



KENYATAAN MEDIA

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PELANTIKAN YBRS. PUAN ZAINANI BINTI JUSOH SEBAGAI AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (ANM) BERKUAT KUASA 3 SEPTEMBER 2025

1. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) ingin memaklumkan bahawa YBrs. Puan Zainani binti Jusoh telah dilantik sebagai Akauntan Negara Malaysia (ANM) berkuat kuasa 3 September 2025. Surat pelantikan sebagai Akauntan Negara Malaysia (ANM) telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar di Putrajaya pada 27 Ogos 2025. Pelantikan ini bagi menggantikan ANM sebelum ini yang telah bersara wajib pada 2 September 2025.
2. YBrs. Puan Zainani binti Jusoh yang sebelum ini menjawat jawatan Timbalan Akauntan Negara (Korporat) JANM merupakan anak kelahiran Tanah Merah, Kelantan. Beliau adalah seorang Akauntan Bertauliah dan merupakan ahli *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) dan ahli *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants* (MICPA). Beliau juga berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM).
3. Puan Zainani berpengalaman sebagai penjawat awam lebih dari 30 tahun apabila mula menyertai sektor awam pada tahun 1994 sebagai Akauntan di Pasukan Petugas Sistem Perakaunan Mikro, JANM. Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah berkhidmat di pelbagai jabatan dan kementerian antaranya Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Luar Negeri (KLN) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

4. Berpengalaman luas dalam pengurusan perakaunan dan kewangan sektor awam serta pembangunan sistem perakaunan Kerajaan. Antara sumbangan besar beliau dalam pembangunan sistem perakaunan kerajaan adalah terlibat dalam menukar landskap pengurusan perakaunan di kedutaan Malaysia luar negara dari manual kepada pendigitalan. Perubahan yang besar ini membantu pengurusan kewangan di semua kedutaan Malaysia dapat diuruskan dengan lebih cekap, tepat dan cepat.
5. Sebelum dilantik sebagai Timbalan Akauntan Negara (Korporat) pada September 2023, beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Khidmat Perunding JANM dan Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan pada tahun 2019 sehingga tahun 2023.
6. Perkhidmatan cemerlangnya ini diakui apabila beliau dianugerahkan darjah kebesaran Bentara Setia Mahkota sempena Hari Keputeraan Sultan Kelantan Sultan Muhammad V pada tahun 2015.
7. JANM ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada pihak Kerajaan atas kepercayaan yang diberikan kepada YBrs. Puan Zainani binti Jusoh bagi menggalas tugas dan amanah sebagai ANM bermula dari 3 September 2025.

Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian/email 03-8000 1033 / korporat@anm.gov.my

Sekian, Terima Kasih.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
3 SEPTEMBER 2025



Puan Zainani Jusoh, Akauntan Negara Malaysia